

# KEBERKESANAN PENGAJARAN KURSUS TITAS 1: KAJIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM

Oleh:

Mohamad Khairi Bin Haji Othman \*

## Abstract

*This article based on the findings of the study done by the writer to investigate the students' perception of the effectiveness of the Islamic and Asia Civilization Course 1 (TITAS 1) at MARA University of Technology. The aspects of the effectiveness looked into are related to its objectives, lecture modules, its rationale and student interest. Data collection was done through the questionnaire. The results show that the TITAS 1 course met its objectives, lectures are practical and of high quality, the course is beneficial and important, and students are interested with this course.*

## PENDAHULUAN

Pengajian tamadun adalah aspek yang penting untuk mengetahui keunggulan Islam, kekuatan dan kelemahan masa kini bagi merancang strategi masa depan. Kefahaman tentang tamadun khasnya Tamadun Islam dan Tamadun Asia oleh generasi muda akan meningkatkan daya keinsanannya dalam menghadapi cabaran kini dan masa depan yang serba kompleks.

Pengajian Tamadun Islam diperkenalkan supaya generasi muda mengetahui latar belakang pemikiran, pembudayaan dan sejarah yang berlaku terhadap sesuatu tamadun yang amat berkesan dalam mengubah 'world view' masyarakat manusia, termasuk bangsa Melayu.<sup>1</sup> Manakala pengajian Tamadun Asia memberikan pendedahan tentang aspek-aspek penting tamadun Melayu, India, Cina dan Jepun

---

\* Mohamad Khairi Haji Othman, M.A, Pensyarah di Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.

<sup>1</sup> Pusat Pendidikan Islam (1998), "Cadangan Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia," (Bengkel TITAS Peringkat ITM di Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, 17 April 1998).

supaya wujud sikap untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan tamadun silam.<sup>2</sup>

Persekitaran semasa yang menunjukkan minat dan keperihatinan terhadap aspek ketamadunan semakin jelas ketara, terutamanya dalam konteks Asia. Di Barat, sebagai contoh, banyak pusat kajian tentang tamadun Islam dan tamadun-tamadun Asia yang lain ditubuhkan di universiti-universiti ternama sejak kebelakangan ini.<sup>3</sup>

Kini setelah negara mengalami perkembangan pesat dalam bidang pembangunan dan pendidikan yang memberi penumpuan terhadap mata pelajaran sains dan teknologi, wajarlah satu kajian dijalankan bagi melihat sama ada mata pelajaran sains sosial terutamanya mata pelajaran Tamadun Islam masih lagi diterima pelajar dan mencapai tahap keberkesannya.

Memandangkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia 1 adalah satu subjek yang harus diikuti oleh semua pelajar Institut Pengajian Tinggi peringkat ijazah, maka satu penilaian menyeluruh perlu dilakukan bagi membentuk atau sebaliknya menyemak kembali pelaksanaannya.

Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi penyelidik meninjau dan menilai kekuatan dan kelemahan pelaksanaan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia 1 di Universiti Teknologi MARA. Kajian ini akan melihat sejauhmana keberkesanan kursus ini, khususnya dalam aspek objektif kursus tersebut, pengajaran pensyarah, manfaat dan kepentingan kursus TITAS 1 serta minat pelajar terhadap kursus TITAS 1.

## **KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TITAS DI IPT**

Kursus "Tamadun Islam" mula diperkenalkan sejak tahun 1983 atas arahan Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.<sup>4</sup> Ia bertujuan untuk memperkenalkan Islam sebagai sebuah tamadun yang unggul kepada pelajar tanpa mengira kaum dan agama. Oleh itu, perkara ini bukanlah kursus baru yang dikendalikan oleh IPTA. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat banyak kelainan antara satu

---

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, <http://www.moe.gov.my/tamadun.htm>, 31 Oktober 2001, h. 1.

<sup>4</sup> Yaacob Yusoff (1998), "Penyesuaian Kandungan TITAS Dengan Falsafah / Misi ITM Serta Peranan Pusat Pendidikan Islam" (Kertas Kerja Bengkel TITAS Peringkat ITM d Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, 17 April 1998).

universiti dengan universiti yang lain sama ada dari segi nama kursus atau modelnya. Mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia<sup>5</sup> ketika ini ada 4 model pelaksanaan kursus tersebut, iaitu:

1. Ada IPTA yang mewajibkan kursus Tamadun Islam kepada semua pelajar dan wajib lulus.
2. Ada IPTA yang mewajibkan kursus itu diambil oleh semua pelajar tetapi hanya pelajar Islam yang wajib lulus.
3. Ada IPTA yang menjadikan kursus tersebut sebagai elektif, dan wajib lulus, dan
4. Ada IPTA yang menjadikan kursus tersebut sebagai elektif yang tidak wajib lulus.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Badan Perundingan Islam membuat keputusan bahawa perlu ada penyelarasan di IPTA supaya perlaksanaan kursus Tamadun Islam lebih berkesan lagi.<sup>6</sup> Dengan mengambil kira kepada persekitaran dan perkembangan tersebut serta saranan-saranan yang disampaikan oleh pelbagai pihak termasuklah pihak IPTA sendiri, mesyuarat jemaah menteri telah mengambil keputusan mengarahkan semua IPTA untuk menjalankan kursus baru yang dinamakan pengajian “Tamadun Islam dan Tamadun Asia” (TITAS).<sup>7</sup>

Oleh itu, langkah Kementerian Pendidikan Malaysia menjadikan kursus TITAS sebagai kursus wajib adalah merupakan satu tindakan yang wajar dan bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar IPTA supaya faham dan prihatin tentang tamadun Islam dan beberapa tamadun lain yang ada di rantau ini, seterusnya mewujudkan sikap keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tersebut, sesuai dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.<sup>8</sup>

---

<sup>5</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *op.cit.*

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Abdullah Sanusi Ahmad, Tan Sri Dato' (1998), “Teks Ucapan Aluan Sempena Majlis Perasmian” (Bengkel Pengajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 16 April 1998).

Tamadun Islam tidak boleh ditiadakan dari kajian ketamadunan manusia. Bahkan, dalam keilmuan moden, institusi-institusi Barat menawarkan program yang lebih mendalam lagi tentang Tamadun Islam berbanding kajian yang dilakukan di negara Islam sendiri.<sup>9</sup> Cuma penekanannya mungkin kepada aspek-aspek yang berlainan mengikut amalan kajian itu.

Di universiti-universiti Barat, kajian Tamadun Islam merupakan satu kajian khusus dan pelajar-pelajar yang mengambilnya dipilih. Di dalam agenda kita pula, kajian Tamadun Islam diwajibkan kepada semua pelajar. Baharuddin Yatim menjelaskan sekiranya kursus Tamadun Islam dijadikan satu kajian umum, ia pasti mampu mengubah pandangan pelajar-pelajar terhadap Tamadun Islam.<sup>10</sup>

Justeru itu, kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini wajib kepada semua pelajar dan wajib lulus di IPT yang mula dilaksanakan dalam bulan Mei, sesi akademik 1998/99. Semua pelajar yang memasuki IPTA mulai sesi akademik 1998/99 diwajibkan mengambil kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Universiti Teknologi MARA juga terlibat dalam pelaksanaan ini, telah memberi mandat kepada Pusat Pendidikan Islam dalam mengendalikan program pengajaran subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini.<sup>11</sup>

### **PELAKSANAAN KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TITAS DI UITM (ITM)**

Ramawan Abd. Rahman dan Ghazali Sulaiman menjelaskan ITM (UiTM) sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi memainkan peranan besar dalam mengeluarkan graduan dan tenaga mahir khususnya bumiputera di negara ini. ITM (UiTM) berperanan penting dalam membekalkan lulusan dan tenaga separuh mahir serta tenaga mahir di dalam pasaran kerja sama ada di sektor awam ataupun korporat.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> Baharuddin Yatim (1995), "Pengembangan Kurikulum Kursus Tamadun Islam," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 10.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Asiah Ali (2002). "Pelaksanaan Kursus TITAS di UiTM" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kursus TITAS IPT di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 14 Mac 2002).

<sup>12</sup> Ramawan Ab. Rahman & Ghazali Sulaiman (1995), "Pengajaran Tamadun Islam Kepada Pelajar Bukan Islam Di Institut Teknologi MARA," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 49.

Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam untuk pelajar Islam di Institut Teknologi Mara bermula sejak 1975 lagi. Ketika itu ianya dikenali dengan nama mata pelajaran Tamadun Islam. Bermula dari bulan Julai 1977 mata pelajaran Tamadun Islam ditukar menjadi mata pelajaran Pendidikan Islam.<sup>13</sup>

Sementara itu, Che Hashim Mat Said, Mohd Dani Muhamad dan Baharuddin Sayyin pula menjelaskan rasional mata pelajaran Pendidikan Islam diperkenalkan ialah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan pelajar<sup>14</sup> selaras dengan kehendak Dasar Pendidikan Negara dan bersesuaian dengan falsafah, objektif dan objektif akademik Institut Teknologi Mara (kini UiTM) yang termaktub dalam Buku Panduan STAF UiTM seperti berikut:<sup>15</sup>

### **1. Falsafah UiTM**

Kepercayaan kepada semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan dan jika diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamadun dunia secara terbuka, serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan dunia.

### **2. Objektif UiTM**

Untuk mendidik bumiputera menjadi professional yang berkaliber, berdikari, berilmu dan bertaqwa supaya boleh bersaing dalam dunia perniagaan, perdagangan, sains dan teknologi.

### **3. Objektif Akademik UiTM**

Mengadakan program pendidikan di peringkat separa professional dan professional sesuai dengan keperluan guna tenaga manusia, terutama dalam bidang sains dan teknologi, perniagaan dan pengurusan serta menanam sikap positif dan membentuk keperibadian mulia menerusi pendedahan serta penghayatan terhadap Islam kepada belia-belia bumiputera yang kurang bernasib baik, agar mereka lebih bersedia menghadapi persaingan dunia pekerjaan, sanggup berdikari dan berani menjadi agen perubahan dalam sesebuah masyarakat majmuk.

<sup>13</sup> Pusat Pendidikan Islam (1999), (Kursus Induksi Pensyarah Baru: Pensyarah Sambilan - Sepenuh Masa di Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, 21 Ogos 1999).

<sup>14</sup> Che Hashim Mat Said, Mohd Dani & Baharuddin Sayin (1995), "Pengajaran Pendidikan Islam Kepada Pelajar Islam Di Institut Teknologi MARA," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 38.

<sup>15</sup> Buku Panduan Staf, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Bertolak dari cita-cita murni tersebut maka pada 1 April 1983 Pusat Pendidikan Islam telah ditubuhkan dengan rasminya. Dengan tertubuhnya Pusat Pendidikan Islam maka mata pelajaran Pendidikan Islam diletakkan di bawah Hal Ehwal Akademik setaraf dengan mata pelajaran yang lain. Pusat Pendidikan Islam bertanggungjawab secara khusus mendidik pelajar dari semua fakulti di UiTM melalui mata pelajaran "Pendidikan Islam".<sup>16</sup>

Kementerian Pendidikan Malaysia pula telah mengarahkan semua Institut Pengajian Tinggi Awam melaksanakan kursus TITAS pada sesi pengambilan pelajar Mei 1998. Di peringkat UiTM telah memberi mandat kepada Pusat Pendidikan Islam untuk melaksanakannya. Asiah Ali menjelaskan pelaksanaan TITAS di peringkat UiTM bermula pada sesi Disember 1998/1999 dengan pengambilan pelajar pertama terdiri daripada 7 orang pelajar daripada Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur. Seterusnya kursus ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar program pengajian peringkat ijazah di semua fakulti.<sup>17</sup> Pada peringkat permulaan, buku teks dan rujukan tidak tersedia sebagaimana kehendak silibus. Walau bagaimanapun, nota para pensyarah, dapat membantu pelajar memahami kandungan dengan baik.<sup>18</sup>

Manakala struktur kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia yang dijalankan di UiTM terbahagi kepada dua kertas iaitu:<sup>19</sup>

- a) Tamadun Islam dan Tamadun Asia 1 (TITAS 1): 2 jam kredit.
- b) Tamadun Islam dan Tamadun Asia 2 (TITAS 2): 2 jam kredit.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk mengumpul data mengenai pandangan dan pendapat pelajar-pelajar tentang keberkesanan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia 1 (TITAS 1) yang mereka ikuti.

Keberkesanan yang diukur adalah dari aspek objektif kursus TITAS 1, pengajaran pensyarah, manfaat dan kepentingan kursus TITAS 1 serta minat

---

<sup>16</sup> Pusat Pendidikan Islam (1999), *op.cit.*

<sup>17</sup> Temubual dengan Prof. Madya Dr. Asiah Ali, Pensyarah Unit TITAS & Tamadun Islam Non Muslim di Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, pada 8 Februari 2002.

<sup>18</sup> Asiah Ali (2002), *op.cit.*

<sup>19</sup> Pusat Pendidikan Islam (1998), *op.cit.*

terhadap kursus TITAS 1. Selain itu, kajian ini ingin melihat keberkesanan kursus TITAS 1 dari pandangan pelajar mengikut jantina dan bidang pengajian.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan kuantitatif secara 'survey' telah dipilih untuk menjalankan kajian ini. Kaedah ini dijangka dapat menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku yang menjadi fokus kajian.<sup>20</sup> Dalam kajian ini, kaedah 'survey' digunakan untuk mengumpul maklumat dalam bentuk data bandingan, iaitu satu set soalan yang sama dikemukakan kepada sampel kajian yang terlibat.

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar Universiti Teknologi MARA, Shah Alam sahaja. Seramai 161 orang pelajar yang sedang mengikuti kursus TITAS 1 semester November 2001-April 2002 telah dipilih. Pemilihan sampel ini dibuat secara rawak iaitu tiada sebarang ketetapan, syarat atau sekatan dikenakan. Daripada 161 responden, seramai 83 orang pelajar (51.5%) terdiri daripada pelajar bidang sains tulen yang diwakili oleh 21 (13%) pelajar daripada Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, 12 (7.5%) pelajar Fakulti Sains Gunaan dan 50 (31.1%) pelajar Fakulti Kejuruteraan. Manakala seramai 78 orang pelajar (48.5%) terdiri daripada pelajar bidang sains sosial yang diwakili oleh 27 (16.8%) pelajar daripada Fakulti Pengajian Maklumat, 30 (18.6%) pelajar Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media serta 21 (13%) pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Perincian taburan sampel kajian mengikut jantina pula ialah seramai 69 (42.9%) pelajar lelaki dan 92 (57.1%) pelajar perempuan.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Instrumen kajian dibahagikan mengikut persoalan kajian iaitu:

Bahagian A : Soal selidik tentang latar belakang responden

Bahagian B : Soal selidik berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap objektif kursus TITAS 1.

Bahagian C : Soal selidik berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah kursus TITAS 1.

Bahagian D : Soal selidik berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap manfaat dan kepentingan kursus TITAS 1.

---

<sup>20</sup> Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96-108.

Bahagian E : Soal selidik berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap minat kursus TITAS 1.

Skala Likert digunakan bagi menentukan tahap persetujuan pelajar. Data-data dianalisis menggunakan perisian komputer "The Statistical Package for Social Science" (SPSS) versi 10.0. Statistik yang digunakan untuk menganalisis data ialah kekerapan (*frequency*) dan rujuk silang (*crossstabulation*). Sehubungan dengan itu, jadual kekerapan digunakan untuk mendapatkan sesuatu jawapan bagi setiap pembolehubah. Ujian statistik khi-kuasa dua (*chi square*) digunakan untuk melihat perhubungan yang signifikan antara dua variabel. Pengkaji telah menggunakan '*likelihood ratio*' dan '*chi-square*' pada aras signifikan 0.05 ( $p < 0.05$ ).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1:**  
**Pandangan Keseluruhan Pelajar Terhadap Kursus TITAS 1**  
**Bagi Setiap Aspek**

Keberkesanan Kursus TITAS 1	Objektif	Pengajaran Pensyarah	Manfaat / Kepentingan	Minat
	% (Bil. Pelajar)	% (Bil. Pelajar)	% (Bil. Pelajar)	% (Bil. Pelajar)
Positif	87.6% (141)	87.6% (141)	93.2% (150)	58.4% (94)
Sederhana	11.8% (19)	12.4% (20)	6.8% (11)	41.6% (67)
Negatif	0.6% (1)			
<b>Jumlah</b>	<b>100 % (161)</b>	<b>100 % (161)</b>	<b>100 % (161)</b>	<b>100 % (161)</b>



**a) Objektif Kursus TITAS 1**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif kursus TITAS 1 yang dilaksanakan adalah tercapai. Ini berasaskan secara keseluruhannya majoriti atau lebih 2/3 pelajar menyatakan pandangan yang positif terhadap keberkesanan objektif kursus ini. Manakala pandangan yang sederhana hanya 11.8% sahaja. Sementara itu pandangan yang negatif adalah amat rendah dan tidak sampai 1% yang memberi pandangan demikian. Ini bermakna bahawa objektif kursus TITAS 1 adalah berkesan.

**Jadual 2:  
Pandangan Pelajar Terhadap Keberkesanan  
Objektif Kursus TITAS 1 Mengikut Jantina**

Keberkesanan Objektif Kursus TITAS 1	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Positif	43.3%	56.7%	100%
	88.4%	87%	(141)
	(61)	(80)	
Sederhana	36.8%	63.2%	100%
	10.1%	13%	(19)
	(7)	(12)	
Negatif	100%	-	100%
	1.4%	-	(1)
	(1)	-	
<b>Jumlah</b>	<b>100 %</b>	<b>100 %</b>	<b>100 %</b>
	<b>69</b>	<b>92</b>	<b>(161)</b>

Likelihood ratio = 1.989, df = 2 dan p = 0.370

Ini disokong berasaskan dapatan kajian mengikut jantina, dimana dapatan menunjukkan peratus pelajar lelaki dan perempuan adalah tinggi memberi pandangan yang positif terhadap keberkesanan objektif kursus TITAS 1 iaitu sebanyak 88.4% pelajar lelaki dan 87% pelajar perempuan. Manakala peratus pelajar lelaki dan perempuan yang menyatakan pandangan sederhana adalah amat

rendah iaitu sebanyak 10.1% pelajar lelaki dan 13% pelajar perempuan. Peratus yang menyatakan pandangan negatif hanya sebanyak 1.4% yang terdiri daripada pelajar lelaki sahaja. Ini bermakna pelajar lelaki dan perempuan menyatakan bahawa objektif kursus TITAS 1 adalah tercapai dan berkesan.

Berdasarkan jadual 2 di atas juga menunjukkan daripada 141 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 56.7% terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala 43.3% terdiri daripada pelajar lelaki. Sementara itu, daripada 19 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 63.2% terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala 36.8% terdiri daripada pelajar lelaki. Sedangkan, daripada seorang pelajar yang menyatakan pandangan negatif, 100% terdiri daripada pelajar lelaki.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 1.989 dengan  $df = 2$  dan  $p = 0.370$ . Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan objektif kursus ini berdasarkan jantina.

**Jadual 3:**  
**Pandangan Pelajar Terhadap Keberkesanan**  
**Objektif Kursus TITAS 1 Mengikut Bidang Pengajian**

Keberkesanan Objektif Kursus TITAS 1	Bidang Pengajian		Jumlah
	Sains Sosial	Sains Tulen	
Positif	51.8%	48.2%	100%
	93.6%	81.9%	(141)
	(73)	(68)	
Sederhana	26.3%	73.7%	100%
	6.4%	16.9%	(19)
	(5)	(14)	
Negatif	-	100%	100%
	-	1.2%	(1)
	-	(1)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 %</b>	<b>100 %</b>	<b>100 %</b>
-	<b>(78)</b>	<b>(83)</b>	<b>(161)</b>

Likelihood Ratio = 5.847,  $df = 2$  dan  $p = 0.054$

Selain itu dapatan ini juga disokong berasaskan dapatan kajian mengikut bidang pengajian, dimana dapatan menunjukkan peratus yang tinggi atau lebih 2/3 pelajar bidang sains sosial dan sains tulen memberi pandangan yang positif terhadap keberkesanan objektif kursus ini iaitu sebanyak 93.6% pelajar bidang sains sosial dan 81.9% pelajar bidang sains tulen. Manakala peratus pelajar bidang sains sosial dan sains tulen yang menyatakan pandangan sederhana menunjukkan peratus yang agak rendah bagi kedua-dua bidang iaitu sebanyak 6.4% pelajar bidang sains sosial dan 16.9% pelajar bidang sains tulen. Peratus yang menyatakan pandangan negatif hanya dinyatakan oleh pelajar bidang sains tulen iaitu sebanyak 1.2%. Ini menunjukkan pelajar bidang sains sosial dan sains tulen menyatakan bahawa objektif kursus TITAS 1 adalah tercapai dan berkesan.

Berdasarkan jadual 3 di atas juga menunjukkan daripada 141 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 51.8% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial. Manakala 48.2% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Sementara itu, daripada 19 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 73.7% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Manakala 26.3% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial. Sedangkan, daripada seorang pelajar yang menyatakan pandangan negatif, 100% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 5.847 dengan  $df = 2$  dan  $p = 0.054$ . Ini bermakna terdapat perbezaan signifikan yang sederhana terhadap keberkesanan objektif kursus ini berdasarkan bidang pengajian.

Dapatan dan rumusan di atas, menguatkan hujah bahawa objektif kursus TITAS 1 adalah amat berkesan.

Ini bermakna hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana yang dinyatakan oleh Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd. Razak iaitu matlamat kursus TITAS diperkenalkan adalah untuk mempertingkatkan kefahaman pelajar tentang realiti masyarakat Malaysia, untuk mencapai wawasan 2020, memupuk nilai-nilai murni, mewujudkan persefahaman kaum dan memperkukuhkan jatidiri<sup>21</sup> dapat dilaksanakan di kampus UiTM Shah Alam dengan berkesan.

Dilihat perbandingan pandangan positif dan sederhana terhadap keberkesanan objektif kursus TITAS 1 mengikut jantina, pelajar perempuan menunjukkan peratus yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Sementara itu, hanya pelajar lelaki

---

<sup>21</sup> Mohd Najib Tun Abdul Razak, Dato' Seri. (1998), "Teks Ucapan Perasmian Sempena Majlis Perasmian" (Bengkel Pengajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 16 April 1998).

sahaja yang ada menyatakan pandangan negatif terhadap keberkesanan objektif kursus TITAS 1. Ini menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan objektif kursus ini berdasarkan jantina.

Namun dilihat perbandingan mengikut bidang pengajian, menunjukkan pelajar bidang sains sosial lebih ramai memberi pandangan yang positif berbanding pelajar bidang sains tulen. Sementara itu dapatan menunjukkan pelajar bidang sains tulen lebih ramai memberi pandangan yang sederhana berbanding pelajar bidang sains sosial dan hanya pelajar bidang sains tulen sahaja yang ada menyatakan pandangan yang negatif. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan yang sederhana terhadap keberkesanan objektif kursus ini berdasarkan bidang pengajian.

**b) Pengajaran Pensyarah Kursus TITAS 1**

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan pengajaran pensyarah kursus TITAS 1 adalah amat berkesan. Ini berasaskan dapatan daripada pandangan keseluruhan responden, majoriti mereka atau lebih 2/3 responden iaitu sebanyak 87.6% menyatakan pandangan yang positif terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah. Manakala peratus yang menyatakan pandangan sederhana adalah amat rendah iaitu 12.4% pelajar sahaja. Dapatan juga menunjukkan tiada seorangpun responden menyatakan pandangan yang negatif. Ini menjelaskan bahawa majoriti mereka berpandangan bahawa pengajaran pensyarah adalah berkesan.

**Jadual 4:  
Pandangan Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran Pensyarah  
Kursus TITAS 1 Mengikut Jantina**

Keberkesanan Pengajaran Pensyarah Kursus TITAS 1	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Positif	40.4%	59.6%	100%
	82.6%	91.3%	(141)
	(57)	(84)	
Sederhana	60.0%	40.0%	100%
	17.4%	8.7%	(20)
	(12)	(8)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 % (69)</b>	<b>100 % (92)</b>	<b>100 % (161)</b>

Likelihood Ratio = 2.711, df = 1 dan p = 0.100

#### Keberkesanan Pengajaran Kursus TITAS 1: Kajian di UiTM, Shah Alam

Ini disokong berasaskan dapatan kajian mengikut jantina, dimana dapatan menunjukkan peratus pelajar lelaki dan perempuan menyatakan pandangan positif terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah adalah tinggi iaitu melebihi 80% (82.6% pelajar lelaki dan 91.3% pelajar perempuan). Manakala peratus pelajar lelaki dan perempuan yang menyatakan pandangan sederhana adalah amat rendah iaitu 17.4% pelajar lelaki dan 8.7% pelajar perempuan. Ini bermakna pelajar lelaki dan perempuan menyatakan bahawa pengajaran pensyarah kursus TITAS 1 adalah berkesan.

Berdasarkan jadual 4 di atas juga menunjukkan daripada 141 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 59.6% terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala 40.4% terdiri daripada pelajar lelaki. Sementara itu, daripada 20 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 60.0% terdiri daripada pelajar lelaki. Manakala 40.0% terdiri daripada pelajar perempuan.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 2.711 dengan  $df = 1$  dan  $p = 0.100$ . Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah berdasarkan jantina.

**Jadual 5:**  
**Pandangan Pelajar Terhadap Keberkesanan**  
**Pengajaran Pensyarah Mengikut Bidang Pengajian**

Keberkesanan Pengajaran Pensyarah	Bidang Pengajian		Jumlah
	Sains Sosial	Sains Tulen	
Positif	52.5%	47.5%	100% (141)
	94.9%	80.7%	
	(74)	(67)	
Sederhana	20.0%	80.0%	100% (20)
	5.1%	19.3%	
	(4)	(16)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 % (78)</b>	<b>100 % (83)</b>	<b>100 % (161)</b>

Likelihood Ratio = 7.902 ,  $df = 1$  dan  $p = 0.005$

Selain itu dapatan ini juga disokong berasaskan dapatan kajian mengikut bidang pengajian, di mana dapatan menunjukkan 94.9% pelajar bidang sains sosial dan 80.7% pelajar bidang sains tulen memberi pandangan yang positif terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah. Ini menunjukkan peratus pelajar bidang sains sosial dan sains tulen yang menyatakan pandangan positif adalah tinggi. Manakala peratus pelajar bidang sains sosial dan sains tulen yang menyatakan pandangan sederhana adalah amat rendah iaitu 19.3% pelajar bidang sains tulen dan 5.1% pelajar bidang sains sosial. Ini bermakna kedua-dua bidang tersebut menyatakan bahawa pengajaran pensyarah adalah berkualiti dan amat berkesan.

Berdasarkan jadual 5 di atas juga menunjukkan daripada 141 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 52.5% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial. Manakala 47.5% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Sementara itu, daripada 20 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 80.0% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Manakala 20.0% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial. Ini menunjukkan pelajar bidang sains tulen lebih ramai memberi pandangan yang sederhana terhadap keberkesanan pensyarah.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 7.902 dengan  $df = 2$  dan  $p = 0.005$ . Ini bermakna terdapat perbezaan signifikan terhadap keberkesanan pengajaran dan peranan pensyarah dalam kursus ini berdasarkan bidang pengajian.

Pandangan yang tinggi terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah kursus ini, mungkin dapat dikatakan bahawa para pensyarah di UiTM mempunyai beberapa ciri pendidik berkesan seperti apa yang telah dikemukakan tentang beberapa ciri guru berkesan iaitu;

The key characteristics of high quality teachers highlighted by the study are: commitment, love of children, mastery of subject didactics and multiple models of teaching, the ability to collaborate with other teachers, and a capacity for reflection.<sup>22</sup>

Seorang guru yang berkesan seharusnya mengetahui segala aspek yang terkandung dalam silibus dan perlu menguasai ilmu. Bukan sahaja mahir dalam ilmu yang hendak diajar tetapi perlu mempelbagaikan kaedah dan strategi

---

<sup>22</sup> Hopkins, D. & Stern, D. (1996), *Quality Teachers, Quality School: International Perspectives and Policy Implications*, Teaching & Teacher Education, bil. 12 (5), h. 501.

pengajarannya.<sup>23</sup> Azizah Lebai Nordin juga menjelaskan antara sifat guru berkesan ialah mesra, bertanggungjawab, bekerjasama dengan guru lain, sayangkan pelajar, sabar dan kreatif. Kemungkinan sifat-sifat ini dimiliki oleh para pensyarah sehingga majoriti pelajar menyatakan keberkesanan yang positif terhadap pengajaran pensyarah.

Dilihat perbandingan pandangan positif terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah mengikut jantina, pelajar perempuan menunjukkan peratus yang lebih tinggi memberi pandangan yang positif terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah berbanding pelajar lelaki. Keadaan ini mungkin boleh dikatakan bahawa pelajar perempuan lebih mudah menerima segala pengajaran pensyarah dan menumpukan perhatian semasa dalam kuliah. Tetapi perbezaan pandangan antara jantina ini tidak begitu ketara

Namun, dilihat perbandingan pandangan yang positif mengikut bidang pengajian, pelajar bidang sains sosial menunjukkan peratus yang lebih tinggi memberi pandangan positif terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah berbanding pelajar bidang sains tulen. Keadaan ini, mungkin disebabkan pensyarah yang mengajar di fakulti bidang sains sosial lebih menunjuk dan mengamalkan ciri pendidik berkesan seperti yang dinyatakan oleh Hopkins dan Stern. Pandangan pelajar mengikut bidang pengajian terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan.

### **c) Manfaat dan Kepentingan Kursus TITAS 1**

Berdasarkan dapatan kajian secara keseluruhan pelajar menyatakan kursus TITAS 1 sangat penting dan amat memberi manfaat kepada pelajar. Ini bermakna kursus TITAS 1 mencapai tahap keberkesanan yang tinggi.

Ini berasaskan dapatan daripada pandangan keseluruhan responden, majoriti mereka atau lebih 90% responden menyatakan pandangan yang positif terhadap kepentingan dan manfaat kursus TITAS 1. Manakala mereka yang menyatakan pandangan sederhana tidak sampai 10%. Dapatan juga menunjukkan tiada seorangpun responden menyatakan pandangan yang negatif.

---

<sup>23</sup> Azizah Lebai Nordin (1999), "Guru Pendidikan Islam Yang Berkesan," *Masalah Pendidikan*, Jilid 22, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 178-182.

**Jadual 6:**  
**Pandangan Pelajar Terhadap Manfaat dan Kepentingan**  
**Kursus TITAS 1 Mengikut Jantina**

Manfaat dan Kepentingan Kursus TITAS 1	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Positif	43.3%	56.7%	100%
	94.2%	92.4%	(150)
	(65)	(85)	
Sederhana	36.4%	63.6%	100%
	5.8%	7.6%	(11)
	(4)	(7)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 %</b> <b>(69)</b>	<b>100 %</b> <b>(92)</b>	<b>100 %</b> <b>161</b>

Likelihood Ratio = 0.206, df = 1 dan p = 0.650

Ini disokong berasaskan dapatan kajian mengikut jantina, di mana dapatan menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan menyatakan pandangan positif yang tinggi terhadap kepentingan dan manfaat kursus TITAS 1, iaitu sebanyak 94.2% pelajar lelaki dan 92.4% pelajar perempuan. Manakala pandangan yang sederhana adalah amat rendah iaitu sebanyak 5.8% pelajar lelaki dan 7.6% pelajar perempuan.

Berdasarkan jadual 6 di atas juga menunjukkan daripada 150 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 56.7% terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala 43.3% terdiri daripada pelajar lelaki. Sementara itu, daripada 11 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 63.6% terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala 36.4% terdiri daripada pelajar lelaki.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 0.206 dengan df = 1 dan p = 0.650. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan terhadap peranan dan manfaat kursus TITAS 1 berdasarkan jantina.



**Jadual 7:**  
**Pandangan Pelajar Terhadap Manfaat dan Kepentingan**  
**Kursus TITAS 1 Mengikut Bidang Pengajian**

Manfaat dan Kepentingan Kursus TITAS 1	Bidang Pengajian		Jumlah
	Sains Sosial	Sains Tulen	
Positif	49.3%	50.7%	100% (150)
	94.9%	91.6%	
	(74)	(76)	
Sederhana	36.4%	63.6%	100% (11)
	5.1%	8.4%	
	(4)	(7)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 % (78)</b>	<b>100 % (83)</b>	<b>100 % (161)</b>

Likelihood Ratio = 0.700, df = 1 dan p = 0.403

Selain itu, ia juga disokong berasaskan dapatan kajian mengikut bidang pengajian, dimana dapatan menunjukkan pelajar bidang sains sosial dan sains tulen memberi pandangan positif yang tinggi terhadap kepentingan dan manfaat kursus TITAS 1 iaitu sebanyak 94.9% pelajar bidang sains sosial dan 91.6% pelajar bidang sains tulen. Manakala pandangan yang sederhana adalah amat rendah iaitu sebanyak 5.1% pelajar bidang sains sosial dan 8.4% pelajar bidang sains tulen.

Berdasarkan jadual 7 di atas juga menunjukkan daripada 150 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 50.7% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial. Manakala 49.3% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Sementara itu, daripada 11 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 63.6% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Manakala 36.4% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 0.700 dengan df = 1 dan p = 0.403. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan signifikan pandangan terhadap peranan dan manfaat kursus ini berdasarkan bidang pengajian.

Ini bermakna secara keseluruhannya pelajar bersetuju bahawa kursus ini dapat memberi kefahaman mengenai Islam, konsep tamadun dan tamadun Melayu serta dapat mengubah sikap, memupuk semangat perpaduan dan mengajar erti kehidupan.

Dapatan ini bersesuaian dengan kajian Khairul Anwar Mastor yang menunjukkan lebih 50% daripada 181 pelajar Melayu berpendapat kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan memberi manfaat.<sup>24</sup> Selain itu, kajian ini juga bersesuaian dengan apa yang dijelaskan oleh Othman Yatim bahawa rata-rata pelajarinya mengatakan mereka mendapat manfaat dari kursus peradaban dari segi pendedahan kepada tamadun-tamadun awal, mengetahui sumbangan Tamadun Islam dan dapat membentuk tingkah laku.<sup>25</sup> Namun, dapatan ini berlainan dengan apa yang dijelaskan oleh Yaacob Yusoff hasil temubual beliau mendapati bahawa kursus TITAS kurang berkesan kerana ia tidak relevan dengan profesion atau bidang pengajian.<sup>26</sup>

Dilihat perbezaan pandangan mengikut jantina, dapatan menunjukkan pelajar perempuan menyatakan pandangan positif yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Ini bermakna pelajar perempuan lebih merasakan kepentingan dan manfaat kursus TITAS 1. Namun perbezaan pandangan antara pelajar perempuan dan lelaki menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan atau tidak begitu ketara.

Sementara itu, perbezaan pandangan mengikut bidang pengajian, pelajar bidang sains tulen menunjukkan lebih ramai memberi pandangan yang positif terhadap kepentingan dan manfaat kursus TITAS 1 berbanding pelajar bidang sains sosial sebanyak. Keadaan ini mungkin boleh dikatakan bahawa pelajar bidang sains tulen tidak banyak mengambil kursus-kursus berkaitan dengan aspek kemanusiaan berbanding pelajar bidang sains sosial yang kebanyakan kursus yang mereka ikuti berunsurkan kemanusiaan. Ini mungkin mereka merasakan kesempatan ini peluang mereka untuk berbincang dan mengemukakan pendapat. Walau bagaimanapun

---

<sup>24</sup> Khairul Anwar Mastor (1995), "Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di UKM: Maklum Balas Pelajar," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 192.

<sup>25</sup> Othman Yatim (1995), "Pengenalan Pengajian Tamadun di Unimas." *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 178.

<sup>26</sup> Yaacob Yusoff (2000), "Aspek Pedagogi Dalam Pengajaran TITAS - Pengalaman di UiTM." *Prosiding Seminar TITAS Peringkat Kebangsaan*, Shah Alam: Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA.

perbezaan pandangan yang ditunjukkan terhadap kepentingan dan manfaat kursus TITAS 1 mengikut bidang pengajian tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara.

**d) Minat Terhadap Kursus TITAS 1**

Berasaskan dapatan kajian daripada pandangan keseluruhan responden, lebih separuh daripada responden iaitu sebanyak 58.4% responden menyatakan pandangan yang positif minat terhadap kursus TITAS 1. Manakala mereka yang menyatakan pandangan sederhana adalah rendah iaitu sebanyak 41.6%. Dapatan juga menunjukkan tiada seorangpun responden menyatakan pandangan yang negatif.

**Jadual 8:  
Pandangan Pelajar Minat Terhadap Kursus TITAS 1  
Mengikut Jantina**

Minat Terhadap Kursus TITAS 1	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Positif	38.3%	61.7%	100%
	52.2%	63.0%	94
	(36)	(58)	
Sederhana	49.3%	50.7%	100%
	47.8%	37.0%	67
	(33)	(34)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 %</b> (69)	<b>100 %</b> (92)	<b>100 %</b> (161)

Likelihood Ratio = 1.915, df = 1 dan p = 0.166

Dapatan ini juga disokong berasaskan dapatan kajian mengikut jantina, dimana dapatan menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan sama menyatakan pandangan positif yang tinggi minat terhadap kursus TITAS 1 iaitu sebanyak 52.2% pelajar lelaki dan 63.0% pelajar perempuan. Manakala pelajar lelaki dan perempuan menyatakan pandangan yang sederhana adalah rendah iaitu sebanyak 47.8% pelajar lelaki dan 37.0% pelajar perempuan.

Berdasarkan jadual 8 di atas juga menunjukkan daripada 94 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 61.7% terdiri daripada pelajar perempuan.

Manakala 38.3% terdiri daripada pelajar lelaki. Sementara itu, daripada 67 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 50.7% terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala 49.3% terdiri daripada pelajar lelaki.

Analisis ini menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 1.915 dengan  $df = 1$  dan  $p = 0.166$ . Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat terhadap kursus TITAS 1 berdasarkan jantina.

**Jadual 9:**  
**Pandangan Pelajar Minat Terhadap Kursus**  
**TITAS 1 Mengikut Bidang Pengajian**

Minat Terhadap Kursus TITAS 1	Bidang Pengajian		Jumlah
	Sains Sosial	Sains Tulen	
Positif	55.3%	44.7%	100% (94)
	66.7% (52)	50.6% (42)	
Sederhana	38.8%	61.2%	100% (67)
	33.3% (26)	49.4% (41)	
<b>Jumlah</b>	<b>100 % (78)</b>	<b>100 % (83)</b>	<b>100 % (161)</b>

Likelihood ratio = 4.297 ,  $df = 1$  dan  $p = 0.038$

Selain itu, ia juga disokong berasaskan dapatan kajian mengikut bidang pengajian, dimana dapatan menunjukkan peratus pelajar bidang sains sosial dan sains tulen menyatakan pandangan positif minat terhadap kursus TITAS 1 adalah tinggi iaitu sebanyak 66.7% pelajar bidang sains sosial dan 50.6% pelajar bidang sains tulen. Manakala peratus pelajar bidang sains sosial dan sains tulen yang menyatakan pandangan yang sederhana minat terhadap kursus TITAS 1 adalah rendah iaitu sebanyak 33.3% pelajar bidang sains sosial dan 49.4% pelajar bidang sains tulen.

Berdasarkan jadual 9 di atas juga menunjukkan daripada 94 pelajar yang menyatakan pandangan positif, 55.3% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial.

Manakala 44.7% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Sementara itu, daripada 67 pelajar yang menyatakan pandangan yang sederhana, 61.2% terdiri daripada pelajar bidang sains tulen. Manakala 38.8% terdiri daripada pelajar bidang sains sosial.

Analisis ini juga menunjukkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 4.297 dengan  $df = 1$  dan  $p = 0.038$ . Ini bermakna terdapat perbezaan signifikan minat terhadap kursus ini berdasarkan bidang pengajian.

Secara keseluruhannya dapatan ini bersesuaian dengan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia sepertimana yang dipetik oleh Baharudin Yatim yang menyatakan bahawa kursus Tamadun Islam mendapat sambutan baik daripada pelajar dari semua golongan sebagai kursus umum.<sup>27</sup> Selain itu, kajian ini juga bersesuaian dengan dapatan Khairul Anwar Mastor yang menunjukkan peratus yang tinggi pelajar Melayu minat terhadap kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan.<sup>28</sup> Namun, dapatan kajian ini berlainan dengan dapatan kajian Sulaiman Noordin dan Khairul Anwar Mastor yang mendapati penuntut tidak mengambil perhatian berat bagi kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan ini kerana kursus ini tidak dikira dalam perkiraan PNGK.<sup>29</sup>

Dilihat perbezaan pandangan minat terhadap kursus TITAS 1 mengikut jantina, dapatan menunjukkan pelajar perempuan menyatakan pandangan positif yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Sementara itu, dapatan juga menunjukkan pelajar perempuan menyatakan pandangan sederhana yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan minat terhadap kursus TITAS 1.

Dilihat perbezaan pandangan minat terhadap kursus TITAS 1 mengikut bidang pengajian, dapatan menunjukkan pelajar bidang sains sosial menyatakan pandangan positif yang lebih tinggi berbanding pelajar sains tulen. Sementara itu, dapatan menunjukkan pelajar sains tulen menyatakan pandangan sederhana yang lebih tinggi berbanding pelajar sains sosial. Ini bermakna pelajar bidang sains sosial menunjukkan peratus yang tinggi minat terhadap kursus TITAS 1. Dapatan

<sup>27</sup> Baharuddin Yatim (1995), "Pengembangan Kurikulum Kursus Tamadun Islam." *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 12.

<sup>28</sup> Khairul Anwar Mastor, *op.cit.*, h. 189.

<sup>29</sup> Sulaiman Noordin dan Khairul Anwar Mastor. (1995). "Keberkesanan Kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan di Universiti Kebangsaan Malaysia," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 141.

menunjukkan terdapat perbezaan antara pelajar bidang sains sosial dan bidang sains tulen minat terhadap kursus TITAS 1.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil kajian ini diperlihatkan peratusan yang agak tinggi responden memberi pandangan yang positif terhadap keberkesanan kursus TITAS 1 dalam setiap aspek objektif, pengajaran pensyarah serta manfaat dan kepentingan kursus TITAS 1 berbanding pandangan yang sederhana dan negatif. Ini bermakna kursus TITAS 1 telah mencapai tahap keberkesanan yang tinggi. Walaupun tahap keberkesanan kursus TITAS 1 memuaskan, namun beberapa cadangan perlu dinyatakan oleh pengkaji untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi keberkesanan kursus TITAS 1 di UiTM, khususnya dan di semua IPT amnya. Antara cadangan tersebut adalah seperti berikut:

1. Dari segi aspek objektif kursus TITAS 1, dari segi jantina tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Ini bermakna pelajar lelaki dan perempuan dapat memahami objektif kursus TITAS 1. Namun, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang sederhana dari segi bidang pengajian di mana pelajar bidang sains tulen yang menyatakan pandangan positif lebih rendah berbanding pelajar sains sosial dan pelajar sains tulen menunjukkan peratus yang lebih tinggi menyatakan pandangan yang sederhana dan negatif terhadap keberkesanan objektif kursus TITAS 1 berbanding pelajar sains sosial. Justeru, penumpuan terhadap pelajar-pelajar sains tulen adalah harus diambil berat supaya mereka memahami dan menghayati objektif kursus TITAS 1. Pendekatan pengajaran haruslah ke arah menyedarkan kepada mereka bahawa terdapatnya titik pertemuan di antara tamadun dengan ilmu sains dan teknologi, di mana pembangunan dan perkembangan sesebuah tamadun terjadi dengan adanya perkembangan sains dan teknologi. Oleh itu, para tenaga pengajar perlu menyediakan contoh-contoh yang relevan dan mudah supaya segala objektif pengajaran tercapai.
2. Dari segi aspek pengajaran pensyarah juga menjelaskan terdapat perbezaan yang signifikan antara bidang pengajian, di mana pelajar sains tulen menyatakan pandangan positif adalah lebih rendah berbanding sains sosial. Oleh itu, siri bengkel berkala perlu diadakan bagi tenaga pengajar untuk tujuan mengemaskini pengetahuan pengkuliahan, bahan bacaan dan mempertingkatkan kefahaman tentang

ilmu berkaitan strategi pengajaran yang berkesan atau aspek pedagogi, terutama terhadap pelajar lelaki dan pelajar bidang sains tulen.

3. Dari aspek minat terhadap kursus TITAS 1, peratus pelajar yang menyatakan pandangan positif hanya lebih kurang separuh pelajar sahaja. Oleh itu, usaha serius perlu digembelengkan untuk mengenalpasti keperluan dan minat pelajar. Kaedah pengajaran yang lebih kreatif seperti pemerhatian luar, penggunaan VCD dan penggunaan teknologi pendidikan yang terkini harus diaplikasikan sepenuhnya terutama terhadap pelajar bidang sains tulen. Selain itu, para pensyarah juga harus sentiasa memberi motivasi intrinsik kepada pelajar. Motivasi intrinsik<sup>30</sup> ialah dorongan dalaman individu untuk memahami dan menyedari sendiri pentingnya perkara yang dipelajari.
4. Namun, kajian ini mendapati responden memberi pandangan positif yang tinggi terhadap manfaat dan kepentingan kursus TITAS 1 serta menunjukkan pandangan yang tidak ada perbezaan yang signifikan antara jantina dan bidang pengajian terhadap manfaat dan kepentingan kursus TITAS 1. Oleh itu, perlaksanaannya perlulah diberi perhatian serius di semua institut pengajian tinggi. Janganlah jadikan kursus TITAS 1 ini sebagai matapelajaran tempelan atau pinggiran semata-mata tanpa menyemak kembali peranan yang dimainkan oleh setiap IPT. Pihak universiti perlu menyediakan kepakaran kakitangan yang mencukupi dan berwibawa dalam melaksanakan kursus TITAS 1 ini supaya segala objektif tercapai dan pengajaran pensyarah berkesan, yang seterusnya memberi manfaat terhadap pelajar dan meningkatkan minat mereka terhadap kursus seperti ini.

## KESIMPULAN

Usaha untuk meningkatkan kefahaman Islam di semua peringkat perlu ditingkatkan untuk memastikan pembangunan negara keseluruhannya. Usaha ini perlu dilaksanakan daripada semua aspek kehidupan. Justeru, Kursus TITAS perlu dilaksanakan dalam aspek keilmuan dan kehidupan. Kursus TITAS yang mula diselaraskan dan diwajibkan kepada semua pelajar IPTA dan IPTS pada tahun

---

<sup>30</sup> Ee Ah Meng (1993), *Pedagogi: Satu Pendekatan Bersepadu*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

1998 adalah merupakan satu usaha murni kerajaan dalam memartabatkan Islam sebagai agama rasmi.

Hasil kajian ini menguatkan bahawa kursus ini mampu untuk menangani pelbagai masalah isu-isu semasa yang sering kita dengar dan lihat dengan perbincangan dan pendedahan yang mendalam berkaitan dengan Islam. Lulusan IPTA dan IPTS sebagai generasi pelapis dan sebagai pembuat dasar, sama ada di sektor awam dan swasta, sekiranya mereka berjaya dididik dengan nilai-nilai murni, berpandangan jauh serta berfikir secara global; tidak mustahil Malaysia akan menjadi sebuah negara maju yang utuh berteraskan masyarakat berbilang bangsa dan agama.



## Bibliografi

- Abdullah Sanusi Ahmad, Tan Sri Dato' (1998), Teks Ucapan Aluan Sempena Majlis Perasmian (Bengkel Pengajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 16 April 1998).
- Asiah Ali, Pensyarah Unit TITAS & Tamadun Islam Non Muslim di Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, temubual pada 8 Februari 2002.
- \_\_\_\_\_ (2002). "Pelaksanaan Kursus TITAS di UiTM," *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kursus TITAS IPT di Universiti Malaya*, Kuala Lumpur, 14 Mac 2002).
- Azizah Lebai Nordin (1999), "Guru Pendidikan Islam Yang Berkesan," *Masalah Pendidikan*, Jilid 22, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Baharuddin Yatim (1995), "Pengembangan Kurikulum Kursus Tamadun Islam," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buku Panduan Staf, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Che Hashim Mat Said, Mohd Dani & Baharuddin Sayin (1995), "Pengajaran Pendidikan Islam Kepada Pelajar Islam Di Institut Teknologi MARA," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ee Ah Meng (1993). *Pedagogi: Satu Pendekatan Bersepadu*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hopkins, D. & Stern, D. (1996), *Quality Teachers, Quality School: International Perspectives and Policy Implications, Teaching & Teacher Education*, bil. 12 (5).
- Kementerian Pendidikan Malaysia, <http://www.moe.gov.my/tamadun.htm>, 31 Oktober 2001.
- Khairul Anwar Mastor (1995), "Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam di UKM: Maklum Balas Pelajar," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak, Dato' Seri. (1998), "Teks Ucapan Perasmian Sempena Majlis Perasmian" (Bengkel Pengajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 16 April 1998).
- Othman Yatim (1995), "Pengenalan Pengajian Tamadun di Unimas." *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA (2000), *Prosiding Seminar TITAS Peringkat Kebangsaan*, Shah Alam: Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA.

\_\_\_\_\_ (1998), "Cadangan Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia," (Bengkel TITAS Peringkat ITM di Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi MARA, Shah Alam, 17 April 1998).

Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia (1995), *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ramawan Ab. Rahman & Ghazali Sulaiman (1995), "Pengajaran Tamadun Islam Kepada Pelajar Bukan Islam Di Institut Teknologi MARA." *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*, Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sulaiman Noordin dan Khairul Anwar Mastor. (1995). "Keberkesanan Kursus Tamadun Islam dan Kenegaraan di Universiti Kebangsaan Malaysia," *Prosiding Seminar Isu-Isu Pendidikan Tamadun Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 141.

Yaacob Yusoff (2000), "Aspek Pedagogi Dalam Pengajaran TITAS - Pengalaman di UiTM." *Prosiding Seminar TITAS Peringkat Kebangsaan*, Shah Alam: Pusat Pendidikan Islam, Universiti Teknologi MARA.

\_\_\_\_\_ (1998), "Penyesuaian Kandungan TITAS Dengan Falsafah / Misi ITM Serta Peranan Pusat Pendidikan Islam," Kertas Kerja Bengkel TITAS Peringkat ITM di Pusat Pendidikan Islam, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, 17 April 1998).